

12/08/1998

Negara tidak tunduk pada orang asing

Mahfar Ali; M Thillinadan

GEORGETOWN, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kerajaan dan rakyat akan menentang habis-habisan cubaan pihak luar untuk campur tangan dalam urusan dalam negara ini.

"Kita berhak menguruskan negara kita mengikut kehendak kita, mereka boleh pergi jahanam," kata Perdana Menteri disambut tepukan gemuruh lebih 10,000 rakyat pelbagai lapisan yang menyertai perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang, di sini malam ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Mohd Shariff Omar.

Sambil menyifatkan penyertaan rakyat dalam perhimpunan kali ini yang terbesar sejak siri lawatannya ke negeri-negeri bagi menjelaskan masalah yang dihadapi negara dan usaha kerajaan mengatasinya, Perdana Menteri berkata, Malaysia mampu menguruskan negaranya sendiri dan ini sudah terbukti sejak lebih 40 tahun negara mencapai kemerdekaan.

"Kita tidak mahu mereka menjadi tuan, tetapi kita mahu kita sendiri menjadi tuan.

"Saya yakin rakyat tidak akan rela kerajaan tunduk kepada orang asing. Saya juga yakin rakyat tidak akan merangkak dan cium kaki orang asing untuk menyelamatkan diri, sebaliknya bersatu dan bersama-sama kerajaan melawan cubaan orang asing untuk melemahkan ekonomi negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga syak pihak luar terbabit secara langsung atau tidak langsung memecahkan keharmonian kaum di Malaysia melalui pelbagai laporan kononnya negara menghadapi ketegangan kaum.

"Mereka melaporkan kononnya hubungan orang Melayu dengan Cina kini sangat tegang dan hanya menunggu masa untuk meletup satu hari nanti.

"Tujuan mereka adalah untuk menakut-nakutkan pelabur asing daripada datang ke sini. Bagaimanapun, saya syukur kerana rakyat kita tidak mudah dipengaruhi," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan rakyat berhati-hati mengenai kemungkinan ada usaha melaga-lagakan penduduk.

Dr Mahathir berkata, inilah masa untuk rakyat berkorban sedikit dengan menyokong semua tindakan yang diambil kerajaan termasuk membeli barangan tempatan, menanam sayur dan menyimpan wang di bank tempatan.

Perdana Menteri berjanji tidak akan membenarkan Malaysia dijajah sekali lagi asalkan rakyat terus teguh menyokong semua usaha kerajaan selama ini.

(END)